



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MEMBANDING PENCAPAIAN MURID MENGGUNAKAN BAHAN
PENGAJARAN BENTUK CERITA DENGAN BAHAN PENGAJARAN BUKAN
BENTUK CERITA DALAM MATA PELAJARAN
KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU
TINGKATAN SATU**

MOHAMAD SAID HJ. AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2004**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

20hb. Mac.2004

MOHAMAD SAID BIN HJ. AHMAD
M/K 2002-00523
K/P 550712-10-5019
TEL. 019-6489776



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



DEDIKASI

Walau usia hampir setengah abad
 Merangkak dan bertatih
 Walau kelewatan jelas melambai
 Namun aku berusaha mencapai cita-cita
 Untuk merangkul segulung sarjana

Demi tuhan yang maha pengasih dan penyayang
 Aku berjaya juga untuk mencapai cita-cita murni ini
 Demi untuk mendidik anak bangsa
 Demi untuk semangat anak-anak
 Yang masih di bangku sekolah



Allah sahaja tahu ranjau ditempoh
 Tapi segalanya sementara
 Oleh itu buat kalian yang masih muda
 Tirulah jejak guru mu ini agar
 Kejayaan bangsa dan negara
 Jangan kelewatan !

Terima kasih buat isteri tersayang
 Memberikan semangat terus berjuang
 Buat anak-anak ku ikutlah jejak abahmu ini
 Walaupun berjauhan buat phira, shana , nizam dan ihwan
 Hati tetap mengenang mu
 Buat nuna dan boboy belajarlah bersungguh-sungguh
 Masa itu adalah emas dan ilmu itu warisan pusaka.



PENGHARGAAN

Allah s.w.t. sahaja akan membala jasa baik pembimbing Prof. Madya. Dr. Abdul Latif Gapor atas kesungguhan menunjuk cara bagi menyiapkan projek sarjana ini hingga ke akhir penyiapannya.

•

Begitu juga dengan organisasi terlibat seperti Kementerian Pendidikan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Perpustakaan Awam Selangor membenarkan dan membantu dalam memberi maklumat dalam penyelidikan ini. Begitu juga dengan Pentadbir Sekolah Menengah Daerah Sabak Bernam membenarkan lawatan kajian dibuat di premis mereka.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Selain itu berbanyak terima kasih tidak terhingga kepada pihak universiti yang telah menerima saya sebagai pelajar sarjananya serta pensyarah-pensyarah yang memberi kuliah kepada saya.

Akhir sekali saya ucapan berbanyak terima kasih kepada rakan-rakan kuliah khasnya bidang Reka Bentuk Instruksional dan Teknologi 2002 hingga 2004 yang membantu tugas dan semangat.

Didoakan semua yang terlibat diberkati Allah s.w.t. dunia dan akhirat, insya Allah. Wasallam....



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Buku teks merupakan sumber ilmu sejak dahulu lagi sebagai Bahan Pengajaran Bukan Cerita (BPBBC). BPBBC yang ada di sekolah dibekalkan oleh Biro Pinjaman Buku Teks Kementerian Pendidikan. Setiap murid sekolah yang tidak berkemampuan akan mendapat BPBBC skim pinjaman bagi setiap mata pelajaran. Walau bagaimanapun dengan adanya BPBBC dan pendidikan formal di sekolah masih ramai murid terutamanya murid di Luar Bandar gagal dalam ujian dan peperiksaan yang diadakan di sekolah. Salah satu punca kegagalan murid ini, mereka tidak minat membaca BPBBC yang sedia ada selain faktor-faktor yang lain. Kajian awal menunjukkan murid pada masa lapang di rumah lebih suka membaca buku cerita dari buku pelajaran. Oleh itu dalam penyelidikan ini, pengkaji cuba membuat reka bentuk Bahan Pengajaran Bentuk Cerita (BPBC) yang boleh menarik minat murid membaca dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan satu. Apabila BPBC tersebut telah disiapkan reka bentuknya, maka dibuat pengujian untuk perbandingan keberkesanannya dengan BPBBC sedia ada. Satu kajian eksperimen dibuat untuk menguji keberkesanannya kedua-dua bahan tersebut. Sampel kajian terdiri 174 orang murid di tiga buah sekolah menengah daerah Sabak Bernam yang dibahagikan dua kumpulan pengujian penggunaan bahan pengajaran. Dapatkan menunjukkan murid menggunakan BPBBC memperolehi min markah 34.77 dan murid yang menggunakan BPBC direka bentuk memperolehi min markah 40.16. Oleh itu dapatkan menunjukkan BPBC yang direka bentuk ada menunjukkan perbezaan keberkesanannya jika dibandingkan dengan BPBBC sedia ada untuk meningkatkan prestasi akademik murid sekolah.





ABSTRACT

Text books are the source of knowledge which are known as Non-Story Type Learning Instruments (NSTLI). NSTLI in school are provided by the Text Book Department Ministry of Education. Students who cannot afford to buy NSTLI will be provided with the instruments for every subject. However, despite having the NSTLI and formal education in school, many students are still unable to achieve good grades in their test and examinations. One of the reasons is that, they are not interested in reading NSTLI. During leisure time, they prefer to read story books or comics rather than NSTLI. Therefore, this study is trying to restructure the Story Type Learning Instruments (STLI) to encourage the pupils to read on the subject of Kemahiran Hidup Bersepadu Form One. The STLI are then tested to guide the effectiveness compared with the NSTLI. There was an expectation done to test the effectiveness of both instruments. A sample of 174 candidates from three secondary schools in the Sabak Bernam district is divided into two groups instruments had been tested. The result showed that there was a difference of min score 34.77 of students were using NSTLI and min score 40.16 students were using the STLI design. Hence, this result might show that the STLI design has a tendency to upgrade or increase the students academic achievement in school.



KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	1
1.3 Penyataan masalah	22
1.4 Objektif kajian	24
1.5 Pesoalan kajian	24
1.6 Kepentingan kajian	25
1.7 Definisi kajian	25

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	29
2.2 Peranan biro buku teks Kementerian Pendidikan	31
2.3 Kebolehan membaca matlamat asas pendidikan	34
2.4 Pendekatan konstruktivisme	37
2.5 Pemprosesan maklumat Model Gagne	39
2.6 Kriteria sesebuah buku teks	47
2.7 Kaedah penggunaan buku teks	52

METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	57
3.2 Reka bentuk Model Seel & Glasgow	72
3.4 Pengelolaan ujian	73
3.5 Instrumen	75
3.6 Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen	
3.6.1 Kesahan	75
3.6.2 Kebolehpercayaan	77
3.7 Prosedur	80
3.8 Analisis data	82

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	84
4.2 Bagaimanakah strategi reka bentuk menyediakan bahan pengajaran bentuk cerita (BPBC) bagi membantu murid lemah prestasi akademik untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan satu?	85
4.3 Adakah terdapat perbezaan prestasi murid yang menggunakan bahan pengajaran bentuk cerita (BPBC) dengan bahan pengajaran bukan bentuk cerita (BPBBC) dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan satu?	88

BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Kesimpulan reka bentuk bahan pengajaran bentuk cerita (BPBC) dan kamus rujukan	95
5.2 Cadangan reka bentuk BPBC dan kamus rujukan	96
RUJUKAN	102
LAMPIRAN A – J	106

SENARAI JADUAL

JADUAL

MUKA SURAT

1.1 Keputusan PMR tahun 1997-2003 mata pelajaran Kemahiran Hidup SMK Bagan Terap Daerah Sabak Bernam	4
1.2 Tahap pendapatan ibubapa murid terlibat dalam kajian	9
1.3 Pekerjaan penjaga murid yang terlibat dalam kajian	10
1.4 Sikap murid terhadap membuat rujukan buku teks sebelum peperiksaan	11
1.5 Sikap minat murid memilih buku bacaan yang biasa Digunakan mengulangkaji pelajaran sebelum peperiksaan	12
1.6 Sikap kebosanan murid membaca buku teks skim pinjaman	13
1.7 Sikap kekerapan menggunakan masa mengulangkaji pelajaran	14
1.8 Sikap kekerapan kehadiran murid ke sekolah tahun 2003	15
1.9 Anggapan murid terhadap pelajaran menjamin masa depan mereka	16
1.10 Tahap kemahiran pembacaan murid-murid dalam kajian	17
1.11 Ambil berat ahli keluarga terhadap pelajaran anak mereka	18
1.12 Pendapatan ibubapa mempengaruhi bahan bacaan ulangkaji pelajaran murid di rumah	20
1.13 Bahan bacaan yang kerap dibaca murid di rumah	21

 05-4506832	 2.1 Statistik pinjaman buku mengikut Golongan/ Bahasa Perpustakaan Ratu, daerah dan cawangan - Mei 2003	 Perpustakaan Tuanku Bainun	 PustakaTBainun	 ptbupsi
				36
3.1	Kajian rintis dibuat terhadap guru pakar berkenaan kesahan BPBC yang direka bentuk			76
3.2	Tahap kelancaran murid membaca			77
3.3	Dapatkan kajian rintis antara dua kumpulan penggunaan BPBBC sedia ada dan BPBC direka bentuk			79
3.4	Peratus kelulusan ujian antara dua kumpulan menggunakan BPBC direka bentuk dengan BPBBC sedia ada (N=24)			79
4.1	Dapatkan maklumat BPBC direka bentuk sebagai sebuah Buku teks dengan menggunakan strategi berkesan			85
4.2	Maklumat yang terdapat dalam kamus rujukan			87
4.3	Bilangan responden mengikut jantina dan sekolah			89
4.4	Kebolehan tahap kelancaran membaca murid			90
4.5	Pembahagian kumpulan menggunakan BPBC direka bentuk dan BPBBC sedia ada			91
4.6	Perbezaan markah antara kumpulan menggunakan BPBC direka bentuk dengan BPBBC sedia ada	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
4.7	Perbezaan peratus kelulusan murid menggunakan BPBC direka bentuk dengan BPBBC sedia ada			91
				93

SENARAI RAJAI

RAJAI

MUKA SURAT

2.1	Prosedur pemilihan buku teks Kementerian Pendidikan	33
2.2	Fasa-fasa tindakan pembelajaran dan proses-proses Model Gagne	40
2.3	Sistem pengajaran tanpa bahan media	52
2.4	Sistem pengajaran guru dan media	53
2.5	Sistem pengajaran guru dan media berasingan	54
2.6	Sistem pengajaran guna media tanpa guru	55
3.1	Model reka bentuk instruksi Seel dan Glasgow(1990) Pengurusan Projek Reka Bentuk	58
3.2	Menunjukkan bahagian permulaan satu bab pelajaran: mengandungi tajuk cerita, tajuk pelajaran dan objektif pengajaran dan pembelajaran.	61
3.3	Terdapat mesej penerapan nilai murni di dalam teks yang direka bentuk	64
3.4	Isi pelajaran ditulis dalam bentuk bercerita	66
3.5	Perkataan berwarna merah boleh dirujuk di dalam kamus rujukan yang disediakan	68
3.6	Penyediaan BPBC perlu mengambil kira adanya gambar, tulisan mudah dibaca dan berwarna menarik	70

SENARAI SIMBOL

$\%$ - Peratus

N - sampel

$\ddot{\circ}$ - darjah

\rightarrow - arah urutan

Σ - jumlah

\min - pembahagi dua antara tahap bawah dengan tahap atas

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

MUKA SURAT

<p>A. Surat kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan)</p> <p>B. Surat kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (Bahagian pendaftar sekolah)</p> <p>C. Borang soal selidik peringkat awal</p> <p>D. Soalan ujian eksperimen</p> <p>E. Borang jawapan ujian eksperimen</p> <p>F. Borang soal selidik guru pakar</p> <p>G. Contoh Bahan Pengajaran Bentuk Cerita (BPBC)</p> <p>H. Contoh Kamus Rujukan</p> <p>I. Contoh Bahan Pengajaran Bukan Bentuk Cerita (BPBBC)</p> <p>J. Statistik Penggunaan Perpustakaan Awam Selangor</p>	<p>106</p> <p>107</p> <p>108</p> <p>111</p> <p>114</p> <p>115</p> <p>117</p> <p>141</p> <p>161</p> <p>195</p>
--	---

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelajaran merupakan salah satu daripada isu-isu besar yang menjadi bahan perbincangan dan kontroversi setelah negara mencapai kemerdekaan 1957. Kita orang Melayu merupakan satu bangsa yang berdaulat telah bermuafakat bahawa dasar pelajaran zaman penjajah hanya mahukan “seseorang anak petani dan nelayan itu menjadi petani atau nelayan yang lebih baik sedikit daripada ayahnya.” Ini merupakan sebagai satu dasar yang tidak wajar diteruskan. Ia mestilah jauh lebih besar, komprehensif dan lebih bermakna dan membawa manfaat dari segi komitmen serta tanggung jawab (Omar Mohd Hashim, 1993).

Pembaharuan orientasi sistem pendidikan negara kita dari sistem lama kepada sistem yang ada (KBSR dan KBSM) dalam banyak hal kita terpaksa merubah struktur sosial serta sistem nilai yang kita warisi selama ini. Perubahan yang diharapkan seperti perubahan sosial, para ilmuan, para penerima ilmuhan dan para pemimpin masyarakat.

Persoalannya sekarang bagaimanakah kita hendak melahirkan individu-individu yang terdidik, yang berbudi tinggi, yang berilmu, bertanggung jawab, berseni, berbudaya, beriman dan berfikiran waras melalui sistem pendidikan yang ada.

Dalam kehidupan seharian kita dapat lihat manusia sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah khususnya merubah daripada yang tidak baik kepada yang baik, inilah dia dipanggil “dinamik” kehidupan. Mereka sentiasa berusaha mencari perkara yang lebih baik, yang cemerlang ke lebih cemerlang lagi. Begitu juga hal yang sama terjadi dalam bidang pendidikan (Omar Mohd Hashim, 1993).

Malangnya dalam mencari-cari pendekatan baru dalam sistem, kaedah dan struktur yang lebih baik ini kadang-kadang kita sebagai pendidik lupa apa dasar pelajaran negara kita (Omar Mohd Hashim, 1993). Peranan para pendidik menjalankan dasar pelajaran bagi membina perkembangan murid yang lengkap dari segi jasmani, rohani, akal dan emosi. Oleh itu guru bertanggung jawab menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diingini terhadap murid-murid di samping menyampaikan ilmu pengetahuan berpandukan sukatan pelajaran yang disediakan.

Dalam konteks negara Malaysia , pendidikan itu juga berperanan untuk melahirkan rakyat yang mendorong cita-cita negara dalam mewujudkan perpaduan yang berpandukan Rukun Negara disamping menghasilkan tenaga rakyat yang terlatih untuk keperluan negara (Laporan Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran, 1979).

Oleh itu setiap kali perubahan Dasar Pendidikan Malaysia tidak ketinggalan memberikan penekanan kepada nilai dan semangat patriotik dan perpaduan bagi menyedarkan murid akan peranan tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang maju dan sebagai ahli masyarakat berilmu. Murid dididik untuk bersikir, berilmu pengetahuan luas, bertata etika tinggi, bijaksana serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan (Abd. Rafie Mahat, 2002). Diharapkan kurikulum ini dapat melahirkan murid yang berkeyakinan serta tabah mengatasi segala rintangan dan cabaran kehidupan seiring dengan dasar pendidikan yang dipusatkan.

Walau bagaimanapun para pendidik kebanyakannya hanya mencurahkan ilmu kepada anak didik semata-mata memberikan kepentingan pendidikan ilmiah yang membawa mereka lulus cemerlang dalam peperiksaan awam. Dasar Pelajaran yang diharapkan hilang di dalam kelas semasa pengajaran (Omar Mohd Hashim, 1993). Sedangkan apa yang diharapkan oleh semua pihak dapat menghasilkan murid yang beridea untuk mereka bentuk sesuatu hasil dan pemikiran yang boleh digunakan untuk kepentingan negara.

Harapan semua kita agar murid-murid akan datang boleh membantu negara untuk meningkatkan ekonomi dari bidang sains dan teknologi khasnya bidang teknologi maklumat yang begitu berpotensi untuk membantu meningkatkan ekonomi negara selain membentuk insan yang mulia (Abd. Rafie Mahat, 2002). Oleh itu para pendidik perlu memandang serius peranan penting mereka untuk mendidik murid-murid bagi mencapai

matlamat Dasar Pelajaran Negara. Tanpa perhatian penuh terhadap permasalahan murid-murid di dalam kelas boleh mengagalkan apa juga matlamat yang diharapkan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Banyak kajian yang telah dijalankan tentang kepentingan menjalankan kaedah untuk meningkatkan pencapaian pendidikan di sekolah. Di atas kajian tersebut menunjukkan kelorasi yang tinggi memberi erti terhadap kaedah-kaedah yang disyorkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun adakah kaedah-kaedah yang disyorkan benar-benar di lakukan?

Jawapannya mendukacitakan iaitu masih ramai dikalangan murid-murid yang masih lemah di dalam prestasi akademik terutama di kawasan luar bandar. Di dalam Jadual 1.1 sebagai contoh data pencapaian akademik dalam PMR murid-murid di sebuah sekolah di daerah Sabak Bernam sejak tahun 1997 hingga 2003 iaitu seperti berikut:

Jadual 1.1
Keputusan PMR tahun 1997-2003 mata pelajaran
Kemahiran Hidup SMK Bagan Terap daerah
Sabak Bernam

Mata Pelajaran	Tahun 1997	Tahun 1998	Tahun 1999	Tahun 2000	Tahun 2001	Tahun 2002	Tahun 2003
K . Hidup Pilihan 1,2,3	95.45%	87%	93.9%	88.45%	85.8%	96.76%	98.85%
% Mendapat A	-	8.2%	5.6%	1.8%	2.5%	15.9%	15.8%



Jadual 1.1 merupakan data keputusan peperiksaan PMR dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dari tahun 1997 hingga 2003 di Sek. Men. Keb. Bagan Terap. Dalam data tersebut menunjukkan peratus kelulusan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang tertinggi sebanyak 98.85% pada tahun 2003. Bilangan murid-murid yang mendapat Gred A dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu pada tahap tertinggi 15.9% pada tahun 2002.

Ini menunjukkan tidak ada tahun yang menunjukkan murid-murid sekolah ini mencapai kelulusan 100% seperti yang berlaku di sekolah-sekolah Bandar. Begitu juga dengan bilangan murid-murid mendapat Gred A dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu didapati pencapaian tertinggi di tahap 15.9% sepanjang tujuh tahun.

Oleh itu sebagai pendidik perlu berfikir apakah peranan yang sesuai yang boleh meningkatkan prestasi murid dari segi akademik? Setidak-tidaknya semua murid-murid ini perlu lulus peringkat sederhana di dalam peperiksaan yang di ambil. Selama ini sejak mereka di tahun satu sekolah rendah hingga tingkatan tiga sekolah menengah memakan masa selama sembilan tahun mereka berulang-alik ke sekolah, tetapi tidak mendatangkan hasil.

Perlu dibayangkan bagaimana keringat ibubapa tidak pernah kering untuk menanggung persekolahan anak-anak mereka dari kecil hingga besar, namun keringat itu tidak memberi apa-apa harapan pada diri ibubapa mereka. Kalau dibandingkan bagaimana sepojon pokok sawit yang ditanam, selepas lima tahun kemudian akan mengeluarkan hasil.



Bagaimana pula anak-anak mereka yang bersekolah rendah dan menengah hingga tingkatan lima iaitu selama sebelas tahun tidak menampakkan hasil dan siapa perlu dipersalahkan.

Sebenarnya bukanlah kita hendak membanding beza dan mempersalahkan sesiapa dalam soalan kegagalan seseorang murid, tetapi boleh menjadikan satu renungan kepada para guru-guru. Kita sebagai guru patut memikirkan masalah murid-murid kita di dalam kelas. Ahli keluarga murid-murid terutama dari Luar Bandar mereka bukan terdiri orang-orang kaya yang boleh menghantar anak-anak ke tuisyen sebelah petang atau pada hari cuti untuk berjaya dalam pelajaran. Mereka semata-mata berharapkan kepada para guru kerana kebanyakkan mereka berpendapatan diibaratkan “kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.” Oleh itu sekiranya kita sebagai guru memandang ringan atau mengambil tidak tahu hal ini, akan mengakibatkan anak bangsa kita juga yang tercicir ke belakang.

Mungkin di dalam kelas di sesebuah sekolah tidak ramai murid yang tercicir sekadar lima hingga sepuluh peratus bagi sesebuah sekolah. Tetapi sekiranya dihitung seluruh negara terdapat lebih dari seribu buah sekolah menengah, jumlah murid untuk satu tingkatan lebih dari 500,000 orang setiap tahun. Oleh itu sekiranya dihitung sepuluh peratus dari jumlah 500,000 orang menjadikan murid yang tercicir dalam pelajaran menjadikan seramai 50,000 orang murid tingkatan lima yang tercicir dalam masa setahun.

Kegagalan murid ini bukan sahaja dari segi akademik, tetapi merangkumi juga bidang pembentukan insan yang diharapkan oleh Dasar Pendidikan Malaysia. Mereka yang

tercicir bukan sahaja tidak ada ilmu pendidikan, tetapi yang lebih menyediakan tidak ada nilai-nilai murni dalam diri mereka. Biasanya nilai-nilai murni yang gagal diterapkan terhadap murid-murid selepas sekolah seperti sikap sayang menyayangi antara insan, berkerjasama, berdisiplin, menghormati agama, hormat orang tua dan lain-lain.

Kegagalan dari segi pembentukan insan ini mencetuskan pelbagai gejala sosial yang tidak berperikemanusiaan berlaku di dalam masyarakat sekarang ini. Itu sebabnya berlaku peristiwa di dalam negara kita sejak ke belakangan ini yang manusia sanggup merogol, membunuh, membakar, merompak antara manusia dengan manusia.

Apa yang akan terjadi pada anak bangsa kita di masa akan datang, jika perkara ini dibiarkan berleluasa. Nilai-nilai murni yang sepatutnya diterapkan di bangku sekolah, jelas tidak sampai seperti apa yang diharapkan. Oleh itu bagi mengatasi masalah sosial ini semua orang berharap pihak kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang yang lebih berat, tetapi tidak juga berkesan. Maka yang lebih rasionalnya anak-anak yang masih kecil dididik untuk menjadi manusia yang boleh membezakan yang mana baik dan yang mana buruk serta kemahiran berfikir dirasakan lebih berfaedah dari menghindarkan jenayah dengan cara mensasarkan hukuman yang lebih berat.

Oleh yang demikian sekolah sebagai institusi pendidikan bertanggung jawab bukan sahaja dari segi mencurahkan ilmu kepada murid-murid, tetapi sebagai tempat pembentukan insan yang diharapkan. Maka guru sebagai jentera penggerak ke arah matlamat bagi mengatasi masalah sosial dan juga masalah kelemahan prestasi akademik.

Walau bagaimanapun peranan lebih besar untuk mengatasi masalah sosial murid-murid adalah peranan ibubapa murid itu sendiri di rumah, komuniti, masyarakat dan negara. Untuk penerapan ilmu pula kepada murid peranan lebih besar memang dipertanggung jawabkan kepada guru-guru. Guru sebahagian besarnya menjalankan tugas seperti yang diamanahkan, walau bagaimanapun murid-murid masih tidak dapat menerima ilmu yang disampaikan sehingga mereka ini dianggap murid yang lemah prestasi akademiknya di sekolah.

5

Oleh itu satu kajian tinjauan dibuat untuk mengetahui punca-punca sebenar menyebabkan murid masih lemah prestasi akademik walaupun guru-guru sebahagian besarnya telah menjalankan tugas yang ditanggungjawabkan. Tinjauan ini dibuat terhadap murid-murid di sebuah sekolah luar bandar dalam daerah Sabak Bernam. Andaian yang dijangkakan kemungkinan berpunca kelemahan prestasi akademik murid disebabkan faktor kemiskinan, faktor sikap murid terhadap pelajaran, faktor pendidikan tidak ada kepentingan masa depan, faktor murid tidak membaca dengan lancar dan faktor keluarga tidak ambil berat hal pelajaran anak.

Oleh itu hasil dapatan daripada kajian yang dibuat oleh penyelidik melalui soalan soal selidik seperti dalam **LAMPIRAN C** terhadap dua kumpulan pelajar. Satu kumpulan terdiri dari 30 orang murid lemah dan satu kumpulan lagi seramai 30 orang berprestasi baik dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sebuah sekolah menengah rendah. Apabila penyelidikan dibuat terhadap 60 orang responden untuk dua kumpulan pelajar, analisis menunjukkan data seperti dalam Jadual 1.2:

1.2.1 Faktor Kemiskinan:

Jadual 1.2
Tahap pendapatan ibubapa murid terlibat dalam kajian

PENCAPAIAN	PENDAPATAN PENJAGA					JUMLAH
	Kurang RM500	RM501- RM800	RM801- RM1000	RM1001- RM1500	RM1501 ke atas	
Lemah	73.4%	13.3%	10%	-	3.3%	30(100%)
Baik	40%	50%	3.3%	3.3%	3.3%	30(100%)
Jumlah	56.7%	31.7%	6.6%	1.7%	3.3%	60(100%)

Jadual 1.2 menunjukkan dapatan untuk melihat adakah kelemahan prestasi

murid disebabkan faktor kemiskinan. Analisis data menunjukkan peratus tertinggi sebanyak 73.4% murid lemah, pendapatan keluarganya kurang dari RM500 sebulan. Sementara untuk pelajar prestasi baik menunjukkan pendapatan keluarga mereka berada di tahap RM501- RM800 sebulan sebanyak 50% dan pendapatan kurang RM500 sebanyak 40%. Oleh itu dapatan ini menunjukkan pendapatan keluarga murid berprestasi baik lebih tinggi dari murid prestasi lemah bagi membantu anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran seperti berkemampuan membeli buku teks dan alat-alat tulis persekolahan.

Walau bagaimanapun pendapatan keluarga murid-murid pada keseluruhannya di bawah paras RM500 sebanyak 56.7% jika dibandingkan dengan



kadar pendapatan yang lain. Di dalam Jadual 1.3 ini dapat dilihat jenis-jenis pekerjaan sebenar penjaga murid di sekolah ini dan peratus penglibatannya:

Jadual 1.3
Pekerjaan penjaga murid yang terlibat dalam kajian

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Ambil upah	8	13.3%
Petani	27	45%
Berniaga	7	11.7%
Swasta	1	1.7%
Kerajaan	6	10%
Kerja sendiri/lain	11	18.3%
Jumlah	60	100%

Jadual 1.3 adalah data menunjukkan kebanyakan pekerjaan penjaga murid-murid di sekolah ini bekerja sebagai petani pesawah padi sebanyak 45%. Sementara pekerjaan lain yang kedua tertinggi adalah bekerja sendiri sebagai pekebun kelapa sawit sebanyak 18.3% dan yang ketiga mengambil upah dengan pelbagai pekerjaan pula sebanyak 13.3%. Dari analisis pekerjaan dari Jadual 1.3 menunjukkan kategori pekerjaan penjaga murid-murid sememang kebiasaananya yang dilakukan oleh penduduk Luar Bandar.

1.2.2 Faktor Sikap Murid:

Di dalam faktor sikap murid terdapat lima item dibina untuk mencari punca





kelemahan prestasi pelajar melalui faktor sikap murid terhadap pelajaran. Faktor tersebut seperti kekerapan murid merujuk buku selepas belajar, masa yang digunakan untuk mengulangkaji pelajaran, adakah murid bosan menggunakan buku teks skim pinjaman dan kekerapan tidak hadir ke sekolah sepanjang tahun lepas. Oleh itu data yang diperolehi mengikut item seperti dalam Jadual 1.4.

1.2.2.1 Item Kekerapan Membuat Rujukan Buku Teks Selepas Belajar:

Jadual 1.4

Sikap murid terhadap membuat rujukan buku teks sebelum peperiksaan

PENCAPAIAN	KEKERAPAN MERUJUK BUKU				JUMLAH
	SELALU	KADANG-KADANG	TIDAK LANGSUNG		
Lemah	26.7%	70%	3.3%	30(100%)	
Baik	56.7%	43.3%		30(100%)	
Jumlah	41.7%	56.7%	1.6%	60(100%)	

Jadual 1.4 untuk melihatkan adakah kelemahan prestasi murid disebabkan pengaruh kekerapan merujuk buku selepas belajar. Analisis data menunjukkan peratus tertinggi sebanyak 70% dimana murid lemah prestasi membuat rujukan buku selepas guru mengajar di tahap “kadang-kadang.” Bagi murid berprestasi baik kekerapan merujuk buku pada tahap “selalu” iaitu 56.7%. Ini menunjukkan murid prestasi baik lebih kerap merujuk buku pelajaran jika dibandingkan dengan murid yang berprestasi lemah. Oleh itu jelas menunjukkan bahawa kekerapan





murid merujuk buku selepas belajar akan mempengaruhi prestasi akademik masing-masing.

Walau bagaimanapun tahap kekerapan merujuk buku bagi murid di sekolah ini pada keseluruhannya berada di tahap “kadang-kadang” sebanyak 56.7%. Ini menyebabkan sekolah ini mengalami peratus kelulusan akademik Peperiksaan Awam seperti PMR dan SPM agak rendah dan kurang berkualiti jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah lain di daerah Sabak Bernam.

1.2.2.2 Buku Yang Selalu Digunakan Untuk Mengulangkaji Pelajaran Semasa Peperiksaan:



Sikap minat murid memilih buku bacaan yang biasa digunakan mengulangkaji pelajaran sebelum peperiksaan

PENCAPAIAN	BUKU DI ULANGKAJI SEBELUM PEPERIKSAAN					JUMLAH
	Buku teks bantuan	Buku beli	Nota guru	Tidak ada buku	Tidak ulangkaji langsung	
Lemah	33.3%	10%	40%	3.3%	13.4%	30(100%)
Baik	6.7%	60%	33.3%	-	-	30(100%)
Jumlah	20%	35%	36.7%	1.7%	6.6%	60(100%)

Jadual 1.5 merupakan dapatan untuk melihat adakah kelemahan prestasi murid dipengaruhi oleh penggunaan buku semasa membuat ulangkaji sebelum





peperiksaan. Analisis data menunjukkan peratus tertinggi sebanyak 60% iaitu murid-murid berprestasi baik banyak menggunakan buku teks yang dibeli untuk membuat rujukan sebelum peperiksaan dan sebanyak 6.7% yang menggunakan buku skim pinjaman.

Sementara murid yang berprestasi lemah lebih bergantung kepada buku teks skim pinjaman sebanyak 33.3% dan nota guru sebanyak 40% semasa membuat ulangkaji pelajaran sebelum peperiksaan. Ini menunjukkan buku yang dibeli di pasaran lebih membantu murid meningkatkan prestasi akademik mereka jika dibandingkan murid yang menggunakan buku teks skim pinjaman dan nota guru.



Jadual 1.6
Sikap kebosanan murid membaca buku teks skim pinjaman

PENCAPAIAN	TAHAP BOSAN MEMBACA BUKU TEKS SKIM PINJAMAN			JUMLAH
	Sangat benar	Tidak benar	Tidak tahu	
Lemah	6.7%	93.3%	-	30(100%)
Baik	10%	86.7%	3.3%	30(100%)
Jumlah	8.3%	90%	1.7%	60(100%)

Jadual 1.6 dapatan yang menunjukkan adakah murid bosan untuk menggunakan buku teks skim pinjaman dalam mengulangkaji pelajaran. Analisis





yang diperolehi menunjukkan sebanyak 90% keseluruhan murid tidak bosan membaca buku teks tersebut jika dibandingkan sebanyak 8.3% bosan dan 1.7% tidak tahu. Ini menunjukkan buku teks skim pinjaman sangat bermakna pada murid-murid walaupun mereka tidak kerap menggunakannya untuk ulangkaji pelajaran sebelum peperiksaan.

1.2.2.4 Item Masa Yang Digunakan Mengulangkaji:

Jadual 1.7

Sikap kekerapan menggunakan masa mengulang kaji pelajaran

PENCAPAIAN	MASA DIGUNAKAN MENGULANGKAJI PELAJARAN DALAM SEHARI					JUMLAH
	Lebih 3 jam	2 jam	1 jam	Kurang 1 jam	Tidak membaca langsung	
Lemah	-	13.3%	40%	43.4%	3.3%	30(100%)
Baik	16.7%	40%	33.3%	30%	-	30(100%)
Jumlah	8.3%	26.7%	36.7%	26.7%	1.6%	60(100%)

Jadual 1.7 dapatan untuk melihat adakah kelemahan prestasi murid disebabkan kekerapan masa yang digunakan untuk mengulangkaji pelajaran. Analisis data menunjukkan peratus tertinggi murid berprestasi lemah sebanyak 43.4% iaitu masa yang digunakan untuk mengulangkaji pelajaran di rumah “kurang daripada 1 jam” dan sebanyak 13.3% mengambil masa “2 jam” untuk mengulangkaji pelajaran. Bagi murid berprestasi baik pula sebanyak 40%





menggunakan masa mengulangkaji pelajaran selama “2 jam” dan sebanyak 16.7% pula mengulangkaji “lebih dari 3 jam.”

Ini menunjukkan murid berprestasi baik menggunakan lebih masa untuk mengulangkaji pelajaran jika dibandingkan murid berprestasi lemah. Item ini sangat mempengaruhi peningkatan prestasi murid kerana mengulangkaji pelajaran dalam jangka masa yang panjang boleh menambah serta boleh memperkuuhkan ilmu pengetahuan mengikut teori “*mastery learning*” (Noran Fauziah Yaakub, 1998).

1.2.2.5. Anggaran Kedatangan Ke Sekolah Tahun Lepas:

Jadual 1.8
Sikap kekerapan kehadiran murid ke sekolah tahun 2003



PENCAPAIAN	KEDATANGAN MURID KE SEKOLAH				JUMLAH
	Penuh	1-5 hari	6-10 hari	Lebih 11 hari	
Lemah	16.7%	40%	30%	13.3%	30(100%)
Baik	20%	63.4%	13.3%	3.3%	30(100%)
Jumlah	18.3%	61.7%	21.7%	8.3%	60(100%)

Jadual 1.8 dapatkan untuk melihat adakah kelemahan prestasi murid dipengaruhi oleh kekerapan kedatangan murid ke sekolah pada tahun lepas. Analisis menunjukkan murid prestasi lemah kadar tidak hadir ke sekolah sebanyak 16.7% “kehadiran penuh.” Sebanyak 40% “tidak hadir 1-5 hari” dan





sebanyak 30% “tidak hadir 6-10 hari.” Bagi murid prestasi baik pula diperolehi sebanyak 20% “kedatangan penuh.” Sebanyak 63.4% “tidak hadir 1-5 hari” dan sebanyak 13.3% “tidak hadir 6-10 hari.”

Ini menunjukkan antara dua kumpulan murid berprestasi baik dengan berprestasi lemah kekerapan kedatangan mereka ke sekolah tidak jauh bezanya. Walau bagaimanapun murid-murid berprestasi lemah lebih kerap tidak hadir dalam kadar bilangan hari yang lebih banyak jika dibandingkan dengan murid berprestasi baik. Maka kehadiran ke sekolah sedikit sebanyak boleh mempengaruhi kelemahan prestasi murid di sekolah ini.



1.2.3 Faktor Anggapan Murid Terhadap Pelajaran Menjamin Masa Hadapan:

Jadual 1.9
Anggapan murid terhadap pelajaran menjamin masa depan mereka

PENCAPAIAN	ANGGAPAN MURID TERHADAP PELAJARAN				JUMLAH
	Sangat perlu	perlu	Kurang perlu	Tidak perlu	
Lemah	76.7%	16.7%	3.3%	3.3%	30(100%)
Baik	92.3%	6.7%	-	-	30(100%)
Jumlah	85%	11.6%	1.7%	1.7%	60(100%)

Jadual 1.9 dapatkan untuk melihat adakah kelemahan prestasi murid disebabkan faktor anggapan murid terhadap pelajaran bagi menjamin masa





hadapan mereka. Analisis data menunjukkan 76.7% murid prestasi lemah beranggapan pelajaran “sangat perlu” untuk masa depan mereka. Sementara murid prestasi baik pula beranggapan sebanyak 92.3% pendidikan “sangat perlu” untuk menjamin masa depan mereka.

Ini menunjukkan pada keseluruhannya kedua-dua kumpulan murid berprestasi baik dengan berprestasi lemah mempunyai anggapan yang hampir sama walaupun peratus lebih tinggi bagi murid prestasi baik menyatakan pendidikan perlu untuk menjamin masa depan mereka. Walau bagaimanapun ada juga sebilangan kecil murid yang berprestasi lemah sebanyak 3.3% yang beranggapan pelajaran “tidak boleh menjamin” masa depan mereka.



1.2.4 Faktor Kemahiran Membaca:

Jadual 1.10
Tahap kemahiran pembacaan murid-murid dalam kajian

PENCAPAIAN	TAHAP KEMAHIRAN MEMBACA				JUMLAH
	Sangat lancar	Lancar	Sederhana lancar	Sangat lemah	
Lemah	16.7%	43.3%	40%	-	30(100%)
Baik	66.7%	33.3%	-	-	30(100%)
Jumlah	41.7%	38.3%	20%	-	60(100%)

Jadual 1.10 dapatkan untuk melihat adakah kelemahan prestasi murid dipengaruhi oleh faktor kelemahan kemahiran membaca murid. Analisis data menunjukkan





murid-murid prestasi baik sebanyak 100% pada tahap “sangat lancar dan lancar” membaca. Sementara murid-murid prestasi lemah pula sebanyak 60% pada tahap “sangat lancar dan lancar” membaca dan 40% pada tahap “sederhana lancar” membaca.

Ini menunjukkan kemahiran membaca boleh mempengaruhi kelemahan prestasi murid di sekolah ini disebabkan bilangan murid yang “sederhana lancar” sebanyak 40% hampir sama peratusnya dengan murid yang “lancar” membaca sebanyak 43.3%. Walau bagaimanapun tidak ada murid yang tidak boleh membaca di sekolah ini berpandukan dari soal selidik yang dibuat.



Jadual 1.11

Ambil berat ahli keluarga terhadap pelajaran anak mereka

PENCAPAIAN	AHLI KELUARGA PALING KERAP MENEGUR				
	Ibubapa	Bapa sahaja	Ibu sahaja	Kehendak diri	Abang dan kakak
Lemah	66.7%	3.3%	20%	6.6%	3.3%
Baik	83.3%	-	-	16.7%	-
Jumlah (100%)	75%	1.7%	10%	11.6%	1.7%

Jadual 1.11 dapatkan untuk melihat adakah kelemahan prestasi murid boleh dipengaruhi faktor galakkan keluarga terhadap pelajaran anak mereka. Analisis data menunjukkan murid prestasi baik, peratus tertinggi sebanyak 83.3% oleh “ibubapa” sebagai ahli keluarga yang kerap menegur supaya anak mereka





menumpukan masa dengan pelajaran. Berbanding dengan murid prestasi lemah ditegur ahli keluarga sebanyak 66.7% oleh “ibubapa,” sebanyak 20% oleh “ibu sahaja,” 3.3% “bapa sahaja” dan 3.3% “abang atau kakak.” Selain itu data juga menunjukkan 16.7% murid prestasi baik belajar di atas “kehendak sendiri” tanpa perlu ditegur oleh ahli keluarganya.

Ini menunjukkan dapatan keseluruhannya lebih cenderung kepada “ibubapa” yang kerap menegur boleh meningkatkan prestasi akademik murid jika dibandingkan dengan “ibubapa” yang tidak bersama-sama mengambil berat hal pelajaran anak mereka.

Kesimpulan dari analisis kajian tinjauan yang dibuat untuk mencari sebab-sebab kelemahan prestasi akademik murid, didapati faktor-faktor yang tinggi korelasinya terdiri daripada faktor kelemahan kemahiran membaca, faktor kurangnya masa yang digunakan untuk mengulangkaji pelajaran dan faktor jarang-jarang membuat ulangkaji pelajaran.

Selain itu faktor pendapatan keluarga juga mempengaruhi murid kerana keluarga yang kurang kemampuan tidak dapat memenuhi keperluan pendidikan anak mereka seperti membeli buku rujukan dan menghantar anak mereka ke kelas tuisyen. Berikut di dalam Jadual 1.12 analisis data hubungan pendapatan keluarga murid yang mempengaruhi kurang kemampuan membeli buku rujukan untuk anak mereka. Jadual 1.12 seperti berikut:



Jadual 1.12
Pendapatan ibubapa mempengaruhi bahan bacaan
ulangkaji pelajaran murid di rumah

Pencapaian & pendapatan	BUKU PELAJARAN YANG DIULANGKAJI					Jumlah
	Buku teks bantuan	Buku beli	Nota guru	Tiada buku	Memang tak buat	
Lemah kurang RM500	30%	6.7%	30%	-	6.7%	73.4%
RM500	3.3%	-	10%	-	-	13.3%
RM501 – RM800	-	3.3%	-	3.3%	3.3%	10%
RM801 – RM1000	-	-	-	-	-	-
RM1001 – RM1500	-	-	-	-	3.3%	3.3%
RM1501 ke atas	33.3%	10%	40%	3.3%	13.3%	100%
Jumlah						
Baik kurang RM500	3.3%	20%	16.7%	-	-	40%
RM501 – RM800	3.3%	36.7%	10%	-	-	50%
RM801 – RM1000	-	-	3.3%	-	-	3.3%
RM1001 – RM1500	-	-	3.3%	-	-	3.3%
RM1501 ke atas	-	3.3%	-	-	-	3.3%
Jumlah	6.7%	60%	33.3%	0%	0%	100%

Jadual 1.12 dapatkan menunjukkan murid yang berprestasi lemah memperolehi sebanyak 10% “ada memiliki buku teks yang dibeli” bagi pendapatan ibubapa mereka sebanyak 73.4% “kurang RM500 sebulan.” Sebaliknya sebanyak 60% orang murid berprestasi baik “ada memiliki buku teks yang dibeli,” dimana pendapatan ibubapa antara “RM501 hingga RM800 sebulan.”

Ini menunjukkan pendapatan keluarga yang rendah mempengaruhi murid tidak memiliki buku teks yang dibeli. Murid-murid yang berprestasi lemah lebih cenderung membuat ulangkaji menggunakan buku teks skim pinjaman dan nota guru jika dibandingkan murid berprestasi baik menggunakan buku teks yang dibeli di pasaran.

Dalam kajian ini juga terdapat item dari **Lampiran C** yang menunjukkan keseluruhan dua kumpulan murid ini lebih suka membaca buku cerita jika dibandingkan dengan membaca buku lain pada masa lapang di rumah. Oleh itu satu analisis data diperolehi di dalam Jadual 1.13 melalui kajian ini.

Jadual 1.13
Bahan bacaan yang kerap di baca murid di rumah

Bahan bacaan	Bilangan	Peratus (%)
Buku teks pelajaran	16	26.7%
Nota guru	12	20.0%
Buku cerita	31	51.7%
Tidak minat membaca	1	1.7%
Jumlah	60	100%

Jadual 1.13 dapatkan untuk melihat bahan bacaan yang kerap dibaca murid dirumah. Didapati sebanyak 51.7% murid-murid lebih kerap membaca “buku cerita” semasa lapang di rumah. Sementara itu murid yang kerap membaca “buku teks pelajaran” sebanyak 26.7% dan buku “nota guru” kerap murid membaca sebanyak 20%. Ini menunjukkan murid menggunakan masa lapang di rumah lebih



kepada kerap membaca buku cerita jika dibandingkan dengan membaca buku pelajaran.

Oleh itu berdasarkan dapatan kajian Jadual 1.13, menunjukkan perlu ada tindakan untuk mengatasi masalah murid yang kurang berminat membaca buku pelajaran. Murid-murid berkemahiran membaca lebih cenderung membaca buku cerita dari buku pelajaran.

“

Satu perancangan untuk mengatasi tidak minat membaca buku pelajaran di kalangan murid-murid, kekurangan bahan bacaan dan kecenderungan bahan bacaan perlu difikirkan agar masalah murid tercicir dalam pendidikan boleh diatasi. Apa yang penting bagaimana ilmu pendidikan yang diajar diterima dan dimansaatkan oleh murid-murid serta lulus dalam peperiksaan awam Malaysia dengan cemerlang.



1.3 Penyataan Masalah

Sebagai seorang pendidik yang profesional sepatutnya tidak membiarkan masalah anak murid mereka menghadapi lemah prestasi akademiknya (Yusup Hashim, 1998). Guru perlu ada idea untuk mencari strategi bagi mengatasi masalah yang dihadapi. Pengajaran dan pembelajaran berkesan perlu dilaksanakan tidak kira di mana kedudukan kelas murid-murid tersebut.





Sudah menjadi tanggungjawab para guru diamanahkan di dalam profesi perguruan untuk mendidik anak murid hingga berjaya. Sikap guru memandang kelemahan murid satu takdir merupakan kesilapan besar dalam dunia pendidikan. Tambahan pula punca sesuatu masalah telah diketahui melalui pelbagai sumber sama ada dari temuramah, kajian dan lain-lain sumber boleh dipercayai.

Tindakan guru yang profesional sepatutnya membuat satu strategi pemberi pulih dengan cara eksperimen atau percubaan kaedah baru yang boleh dicuba keberkesanannya. Para guru tidak sepatutnya ada sikap mendiam diri dalam hal mendidik anak-anak murid yang menghadapi masalah kerana ianya merupakan satu penganiayaan yang besar dalam dunia pendidikan.

Oleh itu di atas kelemahan prestasi akademik murid berpunca dari tidak minat murid membaca buku teks skim pinjaman dan nota guru, maka satu strategi reka bentuk teks perlu dilakukan sebagai satu langkah hendak meningkatkan prestasi akademik murid. Reka bentuk teks yang direka khas akan menjadi sebuah buku yang boleh digunakan oleh murid-murid yang lemah prestasi akademik di sekolah-sekolah.

Dalam mereka bentuk teks ini merupakan satu kajian yang mendalam untuk menghasilkan buku tersebut. Apa yang dapat dihasilkan boleh menjadi usaha untuk cuba meningkatkan prestasi murid yang lemah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan satu. Akhirnya boleh pula menjadi panduan untuk mereka bentuk teks bagi murid tingkatan dua dan tiga di masa akan datang.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- (a). Menyediakan bahan pengajaran bentuk cerita (BPBC) untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan satu.
- (b) Membanding pencapaian murid-murid menggunakan bahan pengajaran bentuk cerita (BPBC) dengan bahan pengajaran bukan bentuk cerita (BPBBC) dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan satu.

1.5 Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif kajian maka persoalan kajian difokuskan kepada faktor berikut:

- (a). Bagaimakah strategi reka bentuk menyediakan bahan pengajaran bentuk cerita (BPBC) bagi membantu pelajar lemah prestasi akademik untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan satu?
- (b). Adakah terdapat perbezaan prestasi murid yang menggunakan bahan pengajaran bentuk cerita (BPBC) dengan bahan pengajaran bukan bentuk cerita (BPBBC) dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan satu?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian boleh membantu para pendidik melihat contoh reka bentuk bahan pengajaran bentuk cerita (BPBC) bagi kegunaan di sekolah-sekolah untuk membantu murid-murid lemah prestasi akademik berpunca dari sikap kurang minat membaca buku teks skim pinjaman sebagai contoh bahan pengajaran bukan cerita (BPBBC) dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan satu.

Selain itu para guru juga boleh melihat keberkesanan BPBC tersebut sama ada ia benar-benar boleh membantu murid-murid atau sebaliknya. Sekiranya boleh membantu murid-murid, maka boleh dipasarkan ke seluruh sekolah di Malaysia untuk murid yang lemah prestasi akademiknya. Sebaliknya jika tidak memberi kesan peningkatan prestasi murid atau menyamai dengan situasi yang ada, maka bolehlah guru mencari jalan yang lain untuk menyelesaikan masalah murid di dalam kelasnya.

1.7 Definisi Kajian

1.7.1 Membanding

Membanding bermaksud perbuatan membuat imbangan atau persamaan (Kamus Dewan, 1998).



1.7.2 Pencapaian

Pencapaian ditakrifkan keadaan pembelajaran semasa tentang sesuatu perkara khusus atau bidang pengetahuan bagaimana yang boleh dibuktikan melalui beberapa cara, termasuk penilaian yang dibuat oleh guru. Pencapaian harus dibezakan dengan bakat dan kebolehan (Yaakub Isa, 1996).

Pencapaian juga bermaksud apa yang telah dicapai (dihadarkan atau diperolehi), terutamanya prestasi (Kamus Dewan, 1998).

1.7.3 Murid

Murid adalah anak yang sedang belajar atau berguru, dipanggil juga pelajar atau



1.7.4 Menggunakan

Menggunakan ditakrifkan sebagai mempergunakan mengambil faedah, contoh menggunakan hari mudanya untuk mencari ilmu (Kamus Dewan, 1998).

1.7.5 Bahan Pengajaran Bentuk Cerita (BPBC)

BPBC ditakrifkan merupakan bahan pengajaran bentuk cerita yang direka bentuk dalam bentuk teks cerita sebagai proses untuk menentukan ciri-ciri dan keperluan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

untuk pembelajaran serta bukan sekadar menentukan komponen sistem pengajaran malah mengambil kira perubahan sistem dan pengaruh alam sekeliling (Yusup Hashim, 1998).

BPBC juga ditakrifkan satu reka bentuk bahan pengajaran untuk menghasilkan sesuatu projek atau mengubahsuai sesuatu projek dalam bidang teknologi untuk memenuhi kehendak pengguna masa kini dan akan datang. Projek yang direka bentuk dari idea persendirian atau idea yang diubahsuai (Yaakub Isa, 1996).

1.7.6 Bahan Pengajaran Bukan Bentuk Cerita (BPBBC)

BPBBC ditakrifkan sebagai bahan pengajaran bukan bentuk cerita sedia ada iaitu sebuah buku teks skim pinjaman diwujudkan bagi mengatasi masalah keciciran pelajar, disamping mempertingkatkan prestasi pencapian mereka. Di bawah SPBT, buku-buku teks dipinjamkan kepada sebahagian besar pelajar yang layak menerima pinjaman (Yaakub Isa, 1996).

1.7.7 Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu adalah kemahiran-kemahiran asas berfungsi yang dibekalkan kepada murid-murid untuk membolehkannya bertindak mengenal hidup dengan secara produktif dalam dunia teknologi dan perdagangan yang kompleks dan sentiasa berubah. Di dalamnya terdapat empat komponen



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

disebut iaitu Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Sains Pertanian dan Perdagangan dan Keusahawanan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

1.7.8 Matlamat Kemahiran Hidup Bersepadu

Matlamat Kemahiran Hidup Bersepadu untuk melahirkan insan yang boleh berdikari, kenal saham teknologi, kenal saham ekonomi dan mempunyai sifat dan sikap yakin diri, kreatif, inovatif, inisiatif dan produktif dan boleh berinteraksi dengan baik (Zaidatol Akmaliah, 1990).

1.7.9 Tingkatan Satu

Tingkatan satu bermaksud taraf **kedudukan kelas bagi pelajar umur tiga belas tahun** (Kamus Dewan, 1998).

1.7.10 Buku Teks

Buku teks ditakrifkan oleh UNESCO sebagai lembaran-lembaran kertas yang bercetak yang digabungkan dalam satu bentuk jilidan yang kemudiannya diberikan kulit keras yang berbeza dari lembaran teks. Selain itu buku teks mempunyai ketebalan lebih 49 halaman dan dicetak sekurang-kurangnya **50 naskah** yang terbuka untuk jualan (Yaakub Isa, 1996)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

disebut iaitu Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Sains Pertanian dan Perdagangan dan Keusahawanan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

1.7.8 Matlamat Kemahiran Hidup Bersepadu

Matlamat Kemahiran Hidup Bersepadu untuk melahirkan insan yang boleh berdikari, kenal saham teknologi, kenal saham ekonomi dan mempunyai sifat dan sikap yakin diri, kreatif, inovatif, inisiatif dan produktif dan boleh berinteraksi dengan baik (Zaidatol Akmaliah, 1990).

1.7. 9 Tingkatan Satu



Tingkatan satu bermaksud taraf kedudukan kelas bagi pelajar umur tiga belas tahun (Kamus Dewan, 1998).



ptbupsi

1.7.10 Buku Teks

Buku teks ditakrifkan oleh UNESCO sebagai lembaran-lembaran kertas yang bercetak yang digabungkan dalam satu bentuk jilidan yang kemudiannya diberikan kulit keras yang berbeza dari lembaran teks. Selain itu buku teks mempunyai ketebalan lebih 49 halaman dan dicetak sekurang-kurangnya 50 naskah yang terbuka untuk jualan (Yaakub Isa, 1996)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi